

**Khalid Diberi Tempoh Sehingga Jumaat Ini Jawab Surat Tunjuk Sebab Bernama**  
**August 6, 2014**

PETALING JAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim diberi tempoh sehingga Jumaat ini untuk menjawab surat tunjuk sebab kenapa beliau ingkar untuk berundur daripada jawatan itu.

Timbalan Pengerusi PKR Selangor Zuraida Kamaruddin berkata, surat tunjuk sebab yang dihantar semalam itu adalah kerana Abdul Khalid masih belum akur dengan keputusan dibuat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR baru-baru ini.

"Setelah Abdul Khalid menjawab surat berkenaan, MPP parti dalam satu mesyuarat khas Sabtu ini akan membincangkan alasan ataupun jawapan yang diberikan beliau. Abdul Khalid perlu akur dengan keputusan MPP dan berundur dengan cara baik," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Semalam, PKR telah menghantar surat tunjuk sebab itu kepada Abdul Khalid setelah beliau enggan melepaskan jawatan sebagai menteri besar seperti diarahkan dan diputuskan oleh MPP.

Terdahulu itu, sidang media oleh Zuraida mengenai pendirian PKR Selangor berhubung bakal menteri besar menjadi kecoh apabila satu kenyataan media berasingan yang diedar dalam majlis yang sama bercanggah dengan kenyataannya.

Kenyataan itu didakwa meminta nama Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Antarabangsa dan timbalan presiden PKR Mohamed Azmin Ali? turut dicadangkan sebagai calon Menteri Besar Selangor selain nama presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Zuraida dalam kenyataannya pula menyatakan sokongan penuh terhadap keputusan parti menamakan Dr Wan Azizah sebagai calon tunggal menteri besar Selangor yang baharu.

Beliau bagaimanapun meminta media hanya menggunakan kenyataannya sebagai kenyataan rasmi PKR Selangor.

Sementara itu di KLANG, Abdul Khalid berkata beliau telah menjawab surat tunjuk sebab itu dan dihantar kepada Lembaga Disiplin PKR, tengah hari tadi.

"Saya sudah balas surat tersebut dan apabila mereka menerima surat tersebut, atas dasar ketelusan saya rasa surat itu akan diedarkan untuk perhatian ahli-ahli PKR," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek pembinaan jambatan ketiga di Jalan Sungai Bertih, di sini.

Mengulas desakan pihak tertentu termasuk kepimpinan tertinggi PKR yang meminta beliau

melepaskan jawatan, Abdul Khalid berkata sebarang keputusan akan hanya dibuat selepas mesyuarat kepimpinan Pakatan Rakyat yang berlangsung Ahad ini.

"Saya merasakan kenyataan itu (lepaskan jawatan) kenyataan sendiri (individu), oleh sebab itu saya akan membuat tindakan selepas saya dapati kesahihannya.

"Saya difahamkan pada 10 Ogos ini akan ada mesyuarat kepimpinan Pakatan Rakyat...oleh itu saya akan buat kenyataan akhbar berhubung isu ini selepas mesyuarat tersebut," katanya.

Sementara itu di KLANG, Abdul Khalid berkata beliau telah menjawab surat tunjuk sebab itu dan dihantar kepada Lembaga Disiplin PKR, tengah hari tadi.

"Saya sudah balas surat tersebut dan apabila mereka menerima surat tersebut, atas dasar ketelusan saya rasa surat itu akan diedarkan untuk perhatian ahli-ahli PKR," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek pembinaan jambatan ketiga di Jalan Sungai Bertih, di sini.

Mengulas desakan pihak tertentu termasuk kepimpinan tertinggi PKR yang meminta beliau melepaskan jawatan, Abdul Khalid berkata sebarang keputusan akan hanya dibuat selepas mesyuarat kepimpinan Pakatan Rakyat yang berlangsung Ahad ini.

"Saya merasakan kenyataan itu (lepaskan jawatan) kenyataan sendiri (individu), oleh sebab itu saya akan membuat tindakan selepas saya dapati kesahihannya.

"Saya difahamkan pada 10 Ogos ini akan ada mesyuarat kepimpinan Pakatan Rakyat...oleh itu saya akan buat kenyataan akhbar berhubung isu ini selepas mesyuarat tersebut," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058308>